



PERANAN GURU MENCAPAI OBJEKTIF SEKOLAH RENDAH: PERSPEKTIF GURU BESAR

MOHAMAD JOHDI SALLEH, Ph.D
International Islamic University Malaysia
johdi@iium.edu.my

ABDUL RASID JAMIAN, Ph.D
Universiti Putra Malaysia
arasid@educ.upm.edu.my

BAHAROM MOHAMAD, Ph.D
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
baharom@uthm.edu.my

MOHD HASANI DALI, Ph.D
Universiti Utara Malaysia
hasani@uum.edu.my

ABSTRAK

Pendidikan di sekolah rendah merupakan tahap terpenting dalam pendidikan formal seseorang kanak-kanak. Pendidikan peringkat ini adalah teras kepada sistem pendidikan negara dan menjadi pemangkin kepada pencapaian matlamat pembangunan negara secara maksimum. Kementerian Pelajaran Malaysia menggariskan bahawa objektif persekolahan peringkat rendah ialah untuk membantu perkembangan diri murid, persediaan persekolahan menengah, pemahaman budaya dan kemahiran sosial, pembinaan minat, keagamaan dan moral, dan, sumbangannya kepada masyarakat dan negara. Kertas kerja ini akan membincangkan perspektif guru besar terhadap peranan guru dalam mencapai objektif persekolahan sekolah rendah. Guru besar sebagai responden kajian adalah terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India. Mereka sedang mengikuti Program Khas Pensiwazahan Guru Besar dan bertugas di sekolah seluruh Malaysia. Kajian menggunakan kaedah survey dan dapatkan dibentangkan dalam skor min dan standard deviation. Berdasarkan kajian ini, terdapat pelbagai perspektif guru besar terhadap peranan guru-guru dalam mencapai objektif sekolah rendah. Adalah diharapkan dapatan kajian ini akan memberi inspirasi kepada semua warga pendidik dan pihak yang terlibat dengan alam pendidikan khasnya ke arah memperkasakan sekolah rendah.

1. PENGENALAN

"Seorang guru baru telah ditempatkan untuk mengajar di sebuah sekolah rendah luar Bandar. Sekolah ini terletak di pinggir sungai yang dihimpit ladang kelapa sawit. Guru Besar meminta beliau mengajar pelajar Tahun Enam. Guru baru tersebut menerima tugas yang diberikan dengan rasa tanggungjawab, azam tinggi dan komited. Beliau sentiasa berbincang dengan Guru Besar, Penolong Kanan, dan guru-guru lain yang kebanyakannya adalah baru ditugaskan di sekolah tersebut. Beliau mengambil inisiatif menuhubukan semula PIBG, menganjurkan Sukan Sekolah dan mengetuai program belajar sambil melawat ke Pulau Pinang setelah semuanya beku selama tujuh tahun. Hasilnya, lima puluh peratus murid-murid Tahun Enam pada tahun tersebut layak mendapat tawaran sekolah berasrama. Kemasukan ke asrama merupakan satu pencapaian yang sangat diharapkan oleh pelajar dan ibu bapa mereka. Ini adalah kerana jarak kampung halaman pelajar dengan sekolah menengah yang terdekat adalah 13 kilometer dan ditambah pula dengan masalah pengangkutan di kawasan tersebut yang sangat kritikal."



Berdasarkan pengalaman di atas, saya rasa terpanggil untuk membincangkan peranan guru dalam mencapai objektif sekolah rendah ke arah meningkatkan prestasi murid-murid khususnya pada tahun akhir persekolahan.

2. MATLAMAT PENDIDIKAN MALAYSIA

Di Malaysia, bilangan sekolah rendah pada tahun 2005 ialah 7 601 buah. Jumlah ini meliputi Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) serta 4 buah Sekolah Khas di bandar dan 24 buah di luar bandar. Enrolmen bertambah 28.2 % daripada 2,447,206 pada tahun 1990 kepada 3,137,280 pada tahun 2005 dan tahun 2007 seramai 4, 280,539. Bilangan guru sekolah rendah bertambah 58.6% daripada 120,025 pada tahun 1990 kepada 190,336 pada tahun 2005 dan tahun 2007 seramai 220,358 orang (Kementerian Pelajaran Malaysia - KPM 2008)

Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) telah menggariskan matlamat pendidikan adalah seperti berikut:

1. memperkembang potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani, dan Intelek (JERI)
2. meningkatkan kreativiti dan inovasi dan budaya ilmu pelajar;
3. membudayakan sains dan teknologi dan pembelajaran sepanjang hayat;
4. menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan; dan
5. meningkatkan martabat pendidikan Malaysia pada peringkat antarabangsa.


Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai masalah sekolah rendah yang dihadapi di Malaysia (KPM 2005). Di antaranya ialah:

1. Lebih 115,000 (7.7%) murid Tahap 1 sekolah rendah belum menguasai 3M (Membaca, Menulis, Mengira) pada tahun 2004.
2. Pada peringkat pendidikan rendah, kadar keciciran sebanyak 1.9% di bandar dan 1.2% di luar bandar bagi kohort 1999 hingga 2004.
3. Pada peringkat menengah, terdapat kadar keciciran 9.3 peratus di bandar dan 16.7% di luar bandar bagi kohort 2000 hingga 2004.
4. Sebanyak 1,639 (21.6%) sekolah rendah tiada bilik sains, dan sebanyak 25 (1.2%) sekolah menengah tiada makmal sains.

Berdasarkan statistik ringkas di atas, kita sebagai pendidik seharusnya sensitif dan perlu menggembeling tenaga untuk mengatasi kelemahan yang wujud. Fenomena kekurangan infrastruktur pendidikan turut berlaku di banyak negara membangun, manakala di negara mundur seperti di Afrika, Amerika Latin, dan sebahagian Asia menjangkau tahap kronik. Hal seperti ini, jika tidak ditangani secara berkesan akan menjadi ancaman kepada masyarakat dan negara.

Sehubungan dengan itu, peranan guru amat penting dalam mengatasi segala kelemahan dengan berusaha memperkasakan wacana pendidikan formal bermula di peringkat sekolah rendah lagi. Guru perlu berperanan lebih efektif bagi mencapai aspirasi Falsafah Pendidikan Negara (FPN) ke arah mewujudkan 'First Class Human Capital' seperti termaktub dalam Dasar Pembangunan Negara Malaysia.

Pencapaian cemerlang sesebuah negara wajar dirintis oleh kepimpinan sekolah yang diterajui oleh Guru Besar. Banyak kajian menyatakan persetujuan bahawa Guru Besar sebagai ketua amat penting mempunyai matlamat, strategi, gaya dan pemantauan kepimpinan terhadap guru-guru ke arah pencapaian objektif sekolah. Edmond (1977), Sweeney (1982), Hussein Mahmood (1993) dan Leithwood dan Jantzi (1997) menekankan bahawa Guru Besar perlu mempunyai sensitiviti terhadap bakat dan kemahiran guru-guru, berkongsi matlamat dan



membuat keputusan, memberi latihan pembangunan profesionalisme kepada guru-guru, dan interaksi atau kejelekatan yang tinggi terhadap guru-gurunya. Ciri-ciri sedemikian perlu dimiliki dan diamalkan oleh guru besar demi pencapaian objektif sekolah dengan lebih efektif. Ini menunjukkan bahawa guru-guru seharusnya telah dilatih melaksanakan tanggung-jawab dan meningkatkan profesionalisme ke arah pencapaian objektif sekolah bersama guru besar, guru-guru, dan ibu-bapa seperti yang diaspirasikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Objektif sekolah yang terpiagam kukuh boleh tercapai dengan usaha dan penglibatan tulus ikhlas guru-guru. Perlaksanaan tugas dan peranan sambil lewa, terpaksa atau kurang berminat akan menyebabkan objektif sekolah terabai yang akhirnya merugikan pelbagai pihak. Oleh itu, komitmen tinggi guru terutama yang tergolong dalam kategori guru cemerlang atau guru pakar amat penting demi merealisasikan objektif sekolah.

Penggembelingan tenaga, personaliti dan ciri-ciri guru tersebut menjadi formula mewujudkan guru berkualiti, integriti dan efektif. Kajian yang dijalankan oleh Mohamad Johdi (2007) menyarankan bahawa sepuluh ciri guru efektif mengikut susunan terpenting adalah berpengetahuan, kemahiran dan kecekapan bidang; menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran; kejelasan penyampaian dan penghuraian isi pelajaran; menjalankan pengukuran dan penilaian; bermotivasi, minat dan mencungkil sikap ingin tahu murid; melaksanakan pemulihan dan pengayaan; menimbulkan keceriaan, interaksi dan penglibatan murid; menyediakan rancangan mengajar; berkemahiran mengurus bilik darjah; dan menggunakan kepelbagaian kaedah dalam pengajaran.

Dapatkan ini selaras dengan Amir Hassan (2006) menegaskan usaha guru yang mempunyai kecekapan tinggi dalam pengajaran menunjukkan tahap pencapaian murid lebih tinggi berbanding guru yang mempunyai kecekapan rendah. Pendekatan guru-guru yang dapat menarik minat pelajar, memenangi sokongan keluarga, menguasakan kebiasaan, mengekalkan disiplin, mesra, dan secara bertegas inginkan kejayaan memberi kesan yang positif terhadap murid. Sekolah yang mengekalkan suasana pembelajaran yang positif memberi peningkatan ketara terhadap pencapaian murid berbanding sekolah yang mempunyai persekitaran yang negatif dan tidak akademik.

3. OBJEKTIF SEKOLAH RENDAH DI MALAYSIA

Falsafah Pendidikan Malaysia (KPM 2007) menegaskan bahawa matlamat pendidikan peringkat sekolah rendah adalah untuk menjana potensi individu yang seimbang dan berketerampilan dalam aspek intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Matlamat ini akan cuba dicapai melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR 1981) yang digunakan oleh seluruh sekolah rendah kerajaan dan swasta di negara ini. Jangkamasa pendidikan sekolah rendah ialah enam tahun tetapi boleh diikuti antara lima hingga tujuh tahun. Peringkat ini terdiri daripada sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan (KPM 2007).


Pendidikan sekolah rendah amat penting dalam memastikan sistem pendidikan negara berjalan lancar dan matlamat pembangunan negara dapat dicapai dengan maksimum. Kementerian Pelajaran Malaysia (2000) menyatakan objektif persekolahan sekolah rendah ialah membantu perkembangan diri murid, persediaan persekolahan menengah, pemahaman budaya dan kemahiran sosial, pembinaan minat, keagamaan dan moral, dan sedia memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Objektif murni ini perlu diusahakan pencapaiannya melalui penggembelingan tenaga dari pelbagai pihak seperti Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri dan Daerah, guru-guru di peringkat pendidikan formal di sekolah dan para ibu-bapa serta masyarakat persekitaran yang memberi pendidikan non-formal kepada kanak-kanak.

4. OBJEKTIF SEKOLAH RENDAH DAN PERANAN GURU

4.1 Membantu perkembangan diri murid

Sekolah merupakan institusi asas dimana kita dapat melihat dan mengkaji amalan kanak-kanak berinteraksi sesama mereka dan orang dewasa terutama guru dalam persekitaran pendidikan formal. Kanak-kanak diasuh supaya mempunyai penampilan diri sebagai murid sekolah yang mempunyai identiti berbeza daripada



sebelumnya. Mereka diberi pengetahuan tentang perkara betul dan salah diikuti oleh tindakan susulan bagi mengukuhkan pengamalan positif dan meninggalkan perbuatan negatif. Imam Al-Ghazali menyarankan objektif pendidikan awal kanak-kanak adalah mengajarkan mereka perkara betul dan salah terutama berkaitan dengan agama. Kanak-kanak digalakkan melakukan perkara-perkara betul dengan diberi pelbagai pengukuhan sehingga mereka selesa dan seronok untuk mengamalkannya serta melakukan perkara yang betul.

Sebagai murid sekolah, kanak-kanak diberi pengetahuan dan kesedaran terhadap adanya tanggung-jawab yang perlu dibereskan. Mereka diberi pengetahuan tentang matlamat kehidupan dan proses perkembangan diri sendiri supaya lebih progresif. Diharapkan mereka dapat pengetahuan yang mencukupi terhadap perkembangan diri, personaliti dan tanggung-jawab sebagai murid. Kesediaan ini akan membina keyakinan diri mereka untuk menghadapi alam persekolahan yang lebih mencabar. Keyakinan diri amat penting dimiliki oleh individu, termasuk kanak-kanak sekolah rendah yang baru mengalami perubahan dunia bayi yang banyak bergantungan kepada pihak lain terutama ibu-bapa, bertukar kepada satu persekitaran yang terdapat pelbagai ragam insan, peraturan, dan tanggung-jawab.

Kajian R. A. O. Brien (Amir Hasan 2006) mendapati kanak-kanak tadika yang mempunyai pengalaman kegagalan berulangkali di sekolah mempunyai pemikiran yang dia tiada peluang untuk berjaya. Pemikiran seperti ini akan memberi kesukaran terhadap perkembangan mereka dalam proses pembelajaran selain mengurangkan peluang untuk berjaya dalam pelajaran mereka. Oleh yang demikian guru berperanan penting menasihat dan membimbing kanak-kanak sedemikian supaya mengubah pemikiran lebih positif selain diberi motivasi dan galakan untuk mencapai kejayaan.

Sebaik-baiknya kanak-kanak ini mencapai tahap kemenjadian diri yang akan membolehkan mereka mempunyai penampilan personaliti yang jelas, berkeyakinan, berkemahiran untuk membuat keputusan terhadap permasalahan yang dihadapi dan melangkah ke hadapan dengan lebih pantas serta optimistik.

4.2 Persediaan persekolahan

Malaysia yang mengamalkan kemasukan persekolahan secara terbuka menyebabkan terdapat murid-murid dari pelbagai latar belakang termasuk di Tahun Satu persekolahan rendah. Sebahagian besar sekolah melaksanakan Ujian Penempatan Kelas untuk mengenal pasti pengetahuan, kemahiran dan keupayaan kanak-kanak mengikuti pembelajaran formal kelak. Dalam hal ini, kanak-kanak yang telah melalui Kelas Tadika berada dalam keadaan yang lebih selesa dan berkeyakinan. Lazimnya berjaya melayakkan diri dalam kelas normal yang mencapai syarat untuk terlibat seterusnya dalam pembelajaran Tahun Satu. Kanak-kanak yang gagal ke tahap keperluan asas akan dimasukkan dalam kelas pemulihan yang memfokuskan kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Kegagalan sedemikian boleh menyebabkan kanak-kanak yang pada asasnya mempunyai cita-cita untuk berjaya tetapi gagal mencapai cita-cita tersebut kerana mereka gagal memenuhi kriteria untuk berjaya. Guru-guru seharusnya memberi perhatian terhadap pencapaian kanak-kanak supaya mereka lebih efektif, menghargai kerja mereka, menyampaikan pengajaran secara langsung dengan pelbagai bahan pengajaran kognitif. Pendekatan ini adalah lebih berkesan jika diaplikasikan kepada kanak-kanak yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah.

Walaupun terdapat perbezaan dari segi kemampuan dan latarbelakang keluarga, kanak-kanak berhak untuk mendapat layanan yang sama dengan orang lain seperti dihormati, diterima dan dihargai oleh ahli komuniti sekolah dan diberi peluang yang sama untuk mengembangkan potensi diri mereka. Peranan guru amat penting bagi memastikan kanak-kanak mahir 3M secepat mungkin agar mereka dapat menyertai pembelajaran formal kurikulum KBSR yang mengutamakan subjek bahasa dan matematik. Kanak-kanak yang mahir dalam bahasa Inggeris akan berpeluang lebih cerah untuk menggarap keilmuan seterusnya terutama dalam subjek Sains dan Matematik yang diajar dalam bahasa Inggeris.

Pada peringkat awal, guru-guru perlu mengajar secara langsung (direct instruction), tidak mengajar terlalu banyak pada satu-satu masa, selalu bertanya soalan kepada murid untuk memastikan kefahaman mereka, beri peluang kepada murid mempraktikkan apa yang telah dipelajari, menyemak tugas murid untuk memastikan tugasan dibuat dengan betul, beri tugas untuk dibuat di rumah supaya mereka dapat mengulangkaji pelajaran



pada hari berkenaan. Sebagai pengukuhan dan susulan, guru menyemak kerja sekolah yang telah diberi, betulkan kesalahan dan ajar semua perkara yang mereka tidak faham, memastikan murid bertanggungjawab terhadap tugasannya, menguruskan kelas sebaik mungkin, dan guru mengekalkan hubungan yang baik dengan murid-murid.

Kegagalan pendidikan di peringkat rendah akan menyebabkan berlakunya buta huruf yang mengakibatkan kecinciran persekolahan seperti berlaku dalam penyataan berikut:

In 1995, over 800,000 Mexican children from eight to 14 years of age, or almost six percent of children in this age group, did not know how to read or write. In comparison, 22 percent of Mexican children of indigenous descent in the same age group did not know how to read or write. In Nepal, literacy rates vary dramatically among ethnic groups, and in some places minorities and "untouchable" caste children are not permitted to attend the same schools as upper-caste children. For example, in the Siraha District of Nepal, literacy rates range from 64 percent among the Tamangs, to about four percent among the Musahars, to zero among the Dom. Discrimination is a major reason why lower-caste groups do not attend school.

Ini menunjukkan bahawa kadar buta huruf berpunca daripada ketidakstabilan sistem dan prinsip persekolahan rendah, di samping faktor sosio-budaya dan dasar kerajaan terhadap pendidikan nasional.

4.3 Persediaan persekolahan menengah

Pendidikan di Malaysia mengamalkan kenaikan kelas di peringkat sekolah rendah hingga ke tingkatan lima secara automatik mengikut umur. Ujian bulanan, semester dan tahunan yang dilaksanakan adalah lebih bersifat internal assessment yang tidak membawa banyak kesan kepada prestasi dan klasifikasi murid-murid.

Pada persekolahan rendah, Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dijalankan pada Tahun Enam amat penting bagi penjurusan persekolahan menengah. Pencapaian 5A-cemerlang murid-murid terutamanya di luar bandar akan melayakkan mereka ditawarkan ke sekolah menengah berasrama penuh seperti Sekolah Menengah Sains, Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), dan Kelas Rancangan Khas. Sekolah-sekolah ini mempunyai sistem pengurusan efektif, pelbagai kelengkapan pengajaran dan pembelajaran (P&P), aktiviti ko-kurikulum terancang, dan persekitaran kondusif.

Pengamalan sekolah-sekolah ini amat selaras dengan matlamat dan objektif Falsafah Pendidikan Negara iaitu ke arah melahirkan insan seimbang dan harmonis dalam aspek JERI serta memegang prinsip Rukunegara. Terbukti bahawa sistem persekolahan sekolah-sekolah cemerlang termasuk sekolah berasrama penuh adalah paling efektif dalam melahirkan insan berketerampilan dalam aspek JERISAH iaitu Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek, Sosialisasi, menghargai Alam, dan kesedaran sebagai 'Hamza Allah' yang mempunyai tanggungjawab dan peranan ke atas diri, ibu-bapa, masyarakat, negara, dan agama yang berteraskan 'kepercayaan kepada Tuhan' seperti tersirat dalam FPN dan Rukunegara. Keterampilan pengetahuan, kemahiran dan tingkah-laku sedemikian hanya boleh digarap dengan optimum apabila individu murid mencapai tahap tertinggi persekolahan iaitu kecermerlangan lepasan graduan menara gading bertaraf global dan mencapai employability universal. Faktor-faktor inilah yang menjadikan sekolah-sekolah cemerlang dan sekolah berasrama penuh menjadi idaman dan pilihan utama ibu-bapa pelbagai latar belakang di luar bandar dan bandar. Ibuapa yang prihatin akan menitikberatkan pendidikan dan menganggap anak-anak yang diberi pendidikan yang sempurna sahaja dapat membuat pilihan yang bijak dan bermakna untuk masa depan mereka.

4.4 Pemahaman Budaya dan Kemahiran Sosial

Kanak-kanak belajar daripada persekitaran fizikal, sosial dan spiritual di dalam dunia mereka dibesarkan. Semenjak dilahirkan, kanak-kanak banyak berlingkar dalam persekitaran adik beradik dan ahli keluarga terdekat. Persekutuan internal dan external ini akan membentuk 'id', 'ego', dan 'superego' kanak-kanak serta memperoleh pelbagai pengetahuan, kemahiran, nilai dan tingkah-laku. Tahap dan suasana sosio-ekonomi keluarga turut mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Hal ini meliputi pengetahuan, kemahiran,



keperihatinan dan komitmen kekeluargaan ibu-bapa, termasuklah interaksi dengan jiran dan komuniti setempat. Kanak-kanak akan lebih yakin untuk berjaya apabila suasana di rumah memberi pengukuhan kepada nilai-nilai yang telah diterapkan disekolah.

Di peringkat tadika dan persekolahan formal, kanak-kanak lebih banyak diajar dan dididik ke alam kehidupan yang lebih terancang, berkurikulum dan formal berdasarkan matlamat pembangunan negara. Persekutaran tahap ini adalah lebih kompleks dan pelbagai yang akan mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Mereka didedahkan dengan pengetahuan, nilai dan tingkah-laku rakan sekelas, rakan sebaya, rakan persekolahan dan warga sekolah yang lain. Pada peringkat ini, peranan guru amat penting dalam mendidik, meningkatkan kemahiran komunikasi dan sosialisasi kanak-kanak untuk perkembangan yang lebih sihat, berpandangan jauh ke hadapan, optimistik dan berkeyakinan tinggi. Guru boleh menggunakan kaedah 'spiral kurikulum' iaitu pendekatan daripada 'mudah kepada kompleks', 'dekat kepada jauh', 'biasa kepada tidak biasa', dan 'konkrit kepada abstrak'. Pendekatan efektif guru akan mempercepatkan pembinaan *mind-set* dan mewujudkan kesediaan murid-murid untuk terlibat aktif dengan pelbagai program kurikulum dan aktiviti ko-kurikulum demi melahirkan individu yang berketrampilan dalam aspek JERISAH. Proses ini akan mewujudkan asimilasi dan akulterasi murid ke arah menyegerakan pencapaian integrasi dan perpaduan nasional yang bertitik-tolak daripada sikap saling memahami sosio-kultur dan budaya pelbagai kaum di Malaysia.

4.5 Pembinaan minat dan motivasi


Sekolah rendah merupakan medan untuk kanak-kanak menerima pendidikan formal. Mereka akan didedahkan kepada pelbagai program dan aktiviti untuk perkembangan potensi diri dan bakat mereka. Kanak-kanak akan terlibat dengan permainan dan sukan secara individu atau berpasukan yang mempunyai peraturan. Bakat mereka akan diukir melalui aktiviti nyanyian dan bermain alat muzik. Pihak sekolah akan mengadakan pelbagai program untuk menguji prestasi bakat kendiri dan kemahiran bersukan dalam acara khas seperti sukan tahunan, persempahan di majlis ibu-bapa, majlis uji bakat tahunan dan sebagainya.

Pada masa ini menjadi trend pihak sekolah untuk mengadakan kem motivasi jati diri dalam pelbagai pendekatan, kaedah dan lokasi. Program motivasi dan pembelajaran bestari dianjurkan di sekolah, resort, hutan lipur dan hotel-hotel mengikut kemampuan pihak sekolah dan ibu-bapa. Sebahagian guru berkecenderungan untuk membawa murid-murid melawat atau menganjurkan program educational di tempat-tempat yang memberi inspirasi dan dorongan langsung kepada pembelajaran dan pengajaran. Di antara tempat tersebut ialah Universiti, Institut Pengajian Tinggi, Pusat pentadbiran Kerajaan terutama Putrajaya, Taman Sains, Planetarium, Muzium dan Zoo. Pada asasnya tempat-tempat tersebut amat baik dan setiap aktiviti harus mencapai objektif iaitu 'belajar sambil melawat' yang mengutamakan pembelajaran dan bukannya 'melawat sambil belajar' yang menumpukan lawatan daripada pembelajaran.

Bakat murid-murid boleh dikembangkan dengan cara memberi peluang mengemukakan soalan, pendapat dan menunjukcara perlakuan. Penglibatan murid-murid secara aktif akan menimbulkan minat yang tinggi dan berazam untuk terus berada dalam pembelajaran. Guru perlu mencari faktor-faktor yang boleh menimbulkan minat dalam pengajaran. Ada kalanya faktor ini berbeza-beza di antara satu kumpulan atau kelas murid. Apabila guru berjaya mencetuskan minat murid-murid, mereka bukan saja akan terlibat secara aktif, bahkan sentiasa mengunggu-nunggu kedatangan guru berkenaan. Ramai penyelidik psikologi mendapati bahawa minat atau kecenderungan merupakan faktor utama penglibatan serius murid dalam sesuatu pembelajaran. Diumpamakan seperti semut yang naik ke puncak Gunung Kinabalu kerana minat dan dorongan terdapatnya gula atau manisan di Puncak Low.

4.6 Kepercayaan Keagamaan dan amalan moral

Malaysia adalah negara yang berpegang teguh kepada prinsip bahawa warganegara perlulah beragama, bukannya free thinker, atheis atau komunisme. Ini jelas termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara dan Rukunegara yang menjadi landasan kurikulum persekolahan dan pembinaan modal insan kelas pertama bertaraf global dan universal. Semenjak di bangku sekolah, kanak-kanak digalakkan memahami kepercayaan dan amalan agama lain serta menanamkan sikap saling hormat-menghormati terhadap penganut berlainan agama dengan prinsip 'hargai persamaan dan hormati perbezaan'.



Bertitik-tolak daripada penganutan sesuatu agama, pelenturan dan pendidikan terhadap individu adalah lebih mudah dan berkesan. Prinsip ini diperkuuhkan dengan adanya nilai-nilai murni yang dimasukkan dalam kurikulum persekolahan. Nilai-nilai yang diketengahkan adalah bercorak universal dan merentas agama serta budaya bangsa. Umpamanya, semua agama memestikan penganutnya mematuhi ibu-bapa, menyayangi ahli keluarga, berjiran, menghormati orang lebih tua, dan individu-individu lain bahkan dari bukan keluarga sendiri. Tingkahlaku dan akhlak ini diajarkan secara formal dalam subjek di sekolah rendah seperti Pendidikan Agama Islam, Pendidikan Moral dan Pendidikan Kewarganegaraan. Guru Besar, guru-guru dan ibu bapa akan melindungi kanak-kanak mereka daripada terjebak dengan masalah sosial di dalam dan luar sekolah.

4.7 Sumbangan kepada masyarakat dan negara

Iklim sekolah amat mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Persekutaran yang sihat dan ceria amat diperlukan untuk mengharmonikan pemikiran, ketenangan jiwa, keluhuran sanubari, menjana selera kesungguhan belajar dan memperoleh keberkatan usaha pendidikan yang dijalankan. Sehubungan dengan inilah agama Islam menegaskan bahawa kebersihan adalah sebahagian daripada kesempurnaan iman. Ini selaras dengan fitrah ilmu yang bersih, suci dan kudus serta menjadi teras untuk individu, masyarakat atau negara meningkatkan kualiti dan darjah. Ini jelas terbukti bahawa ketinggian kualiti rakyat dan prestasi pembangunan sesebuah negara berkait rapat dengan dasar pendidikan yang diamalkan pihak kerajaan yang memerintah.

Pengabaian dasar pendidikan menyebabkan kadar buta huruf dan keciciran persekolahan kanak-kanak amat tinggi menyebabkan sebahagian mereka bekerja di bawah umur seperti berlaku di beberapa buah negara berikut:

In Brazil, 13 percent (or 2.3 million) of children aged 10 to 14 years were found to be both working and attending school in 1995. About four percent (or 721,113 children) in the same age group worked full time and did not attend school. In some rural areas, the percentage of children working full time was even higher. A 1997 survey conducted in the rural citrus-producing region in the State of Sergipe found that about 33 percent of working children (1,649 children of more than 5,000) were not attending school. About 20 percent of working children (aged 10 to 14) were illiterate, compared with only eight percent of nonworking children in the same age group. In Mexico, a 1996 study found that almost 19 percent of Mexican children from 12 to 14 years of age were working and not attending school. School attendance among this age group was higher in urban areas than in rural areas - 87.3 percent as compared to 64.7 percent. In Peru, only a third of all working children and adolescents aged six to 17 years attended school in 1993. By contrast, 85 percent of nonworking children in this age group attended school. Working children's attendance rates were substantially higher in urban areas than in rural - only one of every five working children in rural areas attended school. Dropout rates among working children six to 14 years old were 47 percent, compared to eight percent for nonworking children. In South Africa, 17 percent of 14-year-old child laborers in farming areas have no school credentials, compared to 10 percent for children who are not working. According to a recent report on adult farm workers, their children's schools are overcrowded, and subject choices are limited and irrelevant. In addition, instruction and texts are in the Afrikaans language, a language unfamiliar to many of those surveyed.

Fenomena ini menyebabkan berlaku pelbagai masalah dalam negara bermula daripada purak-peranda keluarga, vandalisme, dadah, jenayah, dan peperangan saudara sesama rakyat dalam negara.

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia amat prihatin terhadap kualiti pendidikan di semua tahap termasuk di sekolah rendah. Segala infrastruktur berkaitan pendidikan disediakan dengan mutu paling canggih bertaraf dunia seperti dilaksanakan di negara-negara maju di Eropah, United Kingdom, Amerika dan Jepun. Dasar dan perlaksanaan ini menyebabkan kanak-kanak berminat untuk bersekolah sehingga ke peringkat paling tinggi di dalam dan luar negara. Pihak kerajaan amat jelas dengan wawasan dan objektif pendidikan untuk melahirkan modal insan kelas pertama bertaraf global. Segalanya bermula daripada persekolahan rendah dengan peranan efektif dan positif guru-guru.



Guru efektif sentiasa berfikir dan merancang aktiviti penglibatan murid-murid dalam pengajaran. Kemahiran berkomunikasi dan interaksi kependidikan pelbagai hala guru-murid, murid-murid, dan murid-guru menjadi teras keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Murid akan merasa pendapat dan kehadirannya diperlukan serta dihargai. Murid-murid perlu mengenali di antara satu sama lain, saling berinteraksi dan menggunakan panggilan baik-baik serta digemari yang membuktikan saling *communicate with interest and enthusiasm*. Semasa menyampaikan pengajaran guru seharusnya mempunyai pemikiran positif dan husnul-dzan atau bersangka-suka terhadap murid agar ilmu yang disampaikan diterima dengan hati terbuka, ikhlas, ceria dan tulus. Memandang terus dan telus terhadap individu murid dan melihatnya dengan penuh empati serta *use intrinsic and extrinsic rewards more often than penalties*. Situasi sedemikian dapat menimbulkan interaksi positif dan konstruktif yang menghasilkan keberkatan ilmu yang disampaikan demi manfaat jangka pendek dan jangka panjang murid dan guru, manakala masyarakat dan negara akan memperolehi manfaat seterusnya - iaitu negara yang aman damai dan mendapat keampunan Allah SWT.

Berdasarkan perbincangan di atas, adalah perlu untuk mengkaji secara lebih objektif terhadap peranan guru-guru dalam mencapai objektif sekolah rendah yang jelas amat penting dalam melahirkan modal insan kelas pertama ke arah menggarap aspirasi pembangunan negara bertaraf global.

5. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau perspektif Guru Besar terhadap Peranan Guru mencapai objektif sekolah rendah.

5.1 Kaedah, Responden, Analisis Data

Kajian ini dijalankan melalui tinjauan eksploratori terhadap Guru-Guru Besar yang sedang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) di Institut Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Kuala Lumpur. Responden terdiri daripada gender (lelaki = 26 (33.3%) , wanita = 52 (66.7%), kaum Melayu (52 = 66.7%), Cina (16 = 20.5%) dan India (10 = 12.8%). Mereka bertugas di sekolah rendah (Bandar = 40 (51.3%), Luar Bandar = 38 (48.7%).

6. DAPATAN KAJIAN

Berikut dibentangkan secara keseluruhan analisis respons oleh Guru Besar-Guru Besar terhadap peranan guru dalam mencapai objektif persekolahan sekolah rendah:

Skala:

Tidak Penting 1	Kurang Penting 2	Tidak Tahu 3	Penting 4	Sangat Penting 5
--------------------	---------------------	-----------------	--------------	---------------------

A. Perkembangan Asas Kendiri Murid:

	Mean	Standard Deviation
Membina penampilan diri murid	4.74	.439
Mengetahui perkara betul dan salah	4.90	.305
Memberi kesedaran hidup ada tanggung-jawab	4.54	.678
Membina keyakinan diri menghadapi persekolahan	4.54	.502
Membina kebolehan membuat keputusan	4.51	.552
Purata	4.646	



Jadual di atas menunjukkan respons paling tinggi ialah 'Mengetahui perkara betul dan salah dari segi peraturan sekolah, agama dan negara' dengan min 4.90 dan standard deviation .305.

Objektif ini ada keselarasan dengan seruan ajaran agama, objektif kurikulum pendidikan rendah dan fitrah ibu-bapa yang mahukan anak-anak mematuhi pelbagai peraturan di setiap tempat dan masa semenjak kecil seperti pepatah 'melentur buluh dari rebung'. Pencapaian ini memudahkan pembinaan asas kendiri kanak-kanak oleh pihak yang terlibat secara langsung seperti ibu-bapa dan sekolah atau pendidikan tidak langsung seperti ahli keluarga, rakan sebaya dan komuniti sekeliling.

B. Persediaan Persekolahan:

	Mean	Standard Deviation
Kemahiran Membaca, Menulis, Mengira pada Tahap Satu	4.92	.268
Memastikan kebolehan menulis dan bertutur bahasa Inggeris	4.69	.610
Menyediakan kebolehan membuat ujikaji Sains dengan sendiri	4.41	.959
Memastikan kemahiran dan menguasai Matematik	4.82	.386
Kemahiran belajar sendiri walau dengan menyertai tuisyen	4.23	.701
Purata	4.614	

Jadual di atas menunjukkan respons paling tinggi ialah 'Memastikan kemahiran membaca, menulis, Mengira pada Tahap Satu' iaitu min 4.92 dengan SD .268.

C. Persediaan Persekolahan Seterusnya:

	Mean	Standard Deviation
Mencapai keputusan cemerlang UPSR	4.90	.305
Merancang sendiri sekolah menengah selepas tamat sekolah rendah	3.64	.925
Menetukan cita-cita sendiri selepas tamat alam persekolahan	3.85	1.033
Membina semangat terus bersekolah hingga peringkat tertinggi	4.79	.567
Menyediakan kemahiran Intelek, Rohani, Emosi, Jasmani dan Sosial	4.72	.453
Purata	4.380	

Jadual di atas menunjukkan respons paling tinggi ialah 'Mencapai keputusan cemerlang UPSR' dengan min 4.90 dan SD .305.



D. Persediaan Pekerjaan:

	Mean	Standard Deviation
Menyediakan maklumat tentang pekerjaan terbaik	4.18	.908
Menyediakan kemahiran Teknologi Maklumat	4.46	.678
Melawat ke berbagai institusi pendidikan tinggi	4.36	.805
Melawat ke pelbagai tempat pekerjaan	4.15	.955
Membina keyakinan diri selepas alam persekolahan	4.67	.526
Purata	4.364	

Jadual di atas menunjukkan respons paling tinggi ialah 'Membina keyakinan diri selepas alam persekolahan' dengan min 4.67 dan SD .526.

E. Pemahaman Budaya dan Kemahiran Sosial


	Mean	Standard Deviation
Murid bekerjasama dengan rakan-rakan	4.85	.363
Mengajar nilai tradisi amalan berbagai budaya	4.44	.749
Sikap bertanggung-jawab kpd masyarakat setempat	4.44	.783
Purata	4.576	

Jadual di atas menunjukkan respons paling tinggi ialah 'Murid bekerjasama dengan rakan-rakan' mendapat min 4.85 dan SD .363.

F. Pembinaan Minat dan Bakat:

	Mean	Standard Deviation
Mengembangkan bakat murid bermain, bersukan	4.82	.386
Berkebolehan menyanyi dan main alat muzik	4.18	.908
Berpersatuuan & Pernainan di luar masa sekolah	4.18	1.114
Motivasi dan Kemahiran Belajar di sekolah sahaja	3.08	1.356
Motivasi dan Kemahiran Belajar di hutan lipur	3.95	1.138
Menyertai Motivasi dan Kemahiran Belajar di IPT	4.08	.864
Melawat IPT, Tmn Sains , Planetarium, Muzium, Zoo	4.46	.678
Purata	4.107	

Jadual di atas menunjukkan respons tertinggi ialah 'Mengembangkan bakat murid bermain, bersukan' dengan min 4.82 dan SD .386.



G. Keagamaan dan Moral:

	Mean	Standard Deviation
Membina kehidupan murid berpegang agama	4.49	.752
Membina moral universal	4.67	.526
Membina sikap berbaik dengan semua kaum	4.77	.424
Berbakti kepada ibu-bapa terutama apabila dewasa	4.64	.483
Menghormati semua orang tua termasuk bukan keluarga sendiri	4.59	.495
Purata	4.632	

Jadual di atas menunjukkan respons tertinggi ialah item 'Membina sikap berbaik dengan semua kaum' dengan min 4.77 dan SD .424.

H. Sumbangan Kepada Masyarakat:

	Mean	Standard Deviation
Menghayati persekitaran sentiasa jaga kebersihan	4.72	.643
Memelihara harta awam telefon, pondok bas, tandas	4.74	.591
Menghormati, memelihara perpaduan	4.79	.466
Mempertahankan negara dari musuh, dadah, jenayah	4.67	.474
Purata	4.730	

Jadual di atas menunjukkan respons tertinggi ialah item 'Menghormati dan memelihara perpaduan' dengan min 4.79 dan SD .466.

I. Tanggung-jawab Pencapaian Objektif:

	Mean	Standard Deviation
Tanggung-jawab Guru Besar sepenuhnya	3.45	1.180

Jadual di atas menunjukkan respons terhadap pencapaian objektif sekolah rendah hanya tanggung-jawab Guru-Besar mendapat respons 3.45 dan SD 1.180.



7. RUMUSAN KESELURUHAN

Rumusan daripada data di atas menunjukkan bahawa persepsi guru besar terhadap peranan guru mencapai objektif sekolah rendah mengikut min adalah seperti berikut:

1. Sumbangan Kepada Masyarakat	-	4.730
2. Perkembangan Asas Kendiri Murid	-	4.646
3. Keagamaan dan Moral	-	4.632
4. Persediaan Persekolahan	-	4.614
5. Pemahaman Budaya dan Kemahiran Sosial	-	4.576
6. Persediaan Persekolahan Seterusnya	-	4.380
7. Persediaan Pekerjaan	-	4.364
8. Pembinaan Minat dan Bakat	-	4.107

8. KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini, jelaslah bahawa terdapat ciri-ciri guru efektif yang berlainan dari segi keutamaan. Guru Besar mempunyai persepsi yang berbeza-beza terhadap peranan guru dalam mencapai objektif sekolah rendah. Semoga dapatan kajian awal ini menjadi inspirasi untuk kajian yang lebih terperinci demi manfaat pendidikan negara terutama dalam usaha untuk menghasilkan guru efektif serta memperkasa ketrampilan mereka ke arah pencapaian objektif sekolah rendah yang merupakan asas sistem pendidikan Malaysia. "Sepurnama penceritaan tak seindah sedetik pengalaman"

Rujukan:

- Amir Hasan Dawi (2006). *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan*. Edisi Ketiga. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Davis, G.A. dan Thomas, M.A. (1989). *Effective schools and effective teachers*. Boston: Allyn dan Bacon.
- Hallinger, P. dan Murphy, J. (1987). *Instructional leadership in the school context*. Boston: Allyn & Bacon.
- Hussein Mahmood (1993). *Kepemimpinan dan Sekolah Berkesan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2000, 2005, 2007, 2008) Statistik Bilangan Sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD)
- Watkins, P. (2005). The Principal's Role in Attracting, Retaining, and Developing New Teachers: Three Strategies for Collaboration and Support. *The Clearing House*; Nov/Dec 2005; 79, 2; ProQuest Education Journals pg. 83-86
- Webb, R & Vulliamy, G. (1996). The Changing Role of the Primary School Head Teacher. *Educational Management and Administration*. 24 (3): 301-315.